

KEPUASAN PEMBELAJARAN PELAJAR KEJURURAWATAN IPTS ZON SELATAN BERDASARKAN PENGARUH PENGURUSAN PERKHIDMATAN ORGANISASI DAN PERSEKITARAN SOSIAL

**Emelia Mohamad
Mohd Yusof Abdullah**
Universiti Islam Melaka

Jalina Karim
Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding Author's Email: emeeliamohamad.kkm@gmail.com

Article History:

Received : 4 October 2024
Revised : 30 November 2024
Published : 31 December 2024
© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Emelia, M., Yusof, A. & Jalina, K. (2024). KEPUASAN PEMBELAJARAN PELAJAR KEJURURAWATAN IPTS ZON SELATAN BERDASARKAN PENGARUH PENGURUSAN PERKHIDMATAN ORGANISASI DAN PERSEKITARAN SOSIAL. *Jurnal Ilmi*, 61-71

ABSTRAK

Institusi Latihan Kejururawatan antara pemacu yang signifikan dititikberatkan untuk melahirkan modal insan dalam kerjaya kejururawatan. Namun, terdapat pelbagai kajian lepas menekankan faktor-faktor yang menyumbang kepada isu kepuasan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Dengan demikian, kajian ini telah membuat satu tinjauan berbentuk kuantitatif *non experimental cross sectional survey* secara sistematik untuk mengenal pasti pengaruh Pengurusan Perkhidmatan Organisasi dan Persekitaran Sosial terhadap kepuasan pembelajaran Pelajar Tahun Akhir di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Zon Selatan. Kaedah pensampelan rawak mudah dilaksanakan terhadap semua pelajar Diploma Kejururawatan Tahun Akhir yang telah melalui proses *novice* (Tahun 1) hingga ke *expert* (Tahun Akhir). Formula Krejcie dan Morgan (1970) dijadikan panduan untuk *probability sampling* ini dengan kaedah *stratified sampling* iaitu seramai 282 orang pelajar terpilih dalam kajian daripada 414 populasi. Hasil kajian mendapati pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial secara signifikan mempengaruhi kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan. Kedua-dua variabel pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial memberi impak yang tersendiri dalam memenuhi kepuasan pembelajaran dalam kalangan pembelajaran para pelajar kejururawatan ini. Kesimpulannya, penilaian terhadap kepuasan pelajar adalah penting dan perlu dilaksanakan oleh sesebuah IPTS. Pemantauan yang berterusan dan berkala wajar dilaksanakan dan ditingkatkan untuk meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kejururawatan bagi mencipta dan melahirkan

pelajar jururawat yang berkredibiliti tinggi sebagai pemangkin negara dalam menjaga keperluan pesakit di abad ke-21 ini.

Kata kunci: Kepuasan Pembelajaran, Pelajar Kejururawatan, Pengurusan Perkhidmatan Organisasi, Persekitaran Sosial.

***LEARNING SATISFACTION OF SOUTH ZONE IPTS NURSING STUDENTS
BASED ON THE INFLUENCE OF ORGANIZATIONAL SERVICE
MANAGEMENT AND THE SOCIAL ENVIRONMENT***

Abstract

Nursing Training Institutions are among the significant drivers emphasized to produce human capital in the nursing career. However, there are various previous studies emphasizing the factors that contribute to the issue of learning satisfaction in Malaysian Higher Education Institutions. Thus, this study has conducted a quantitative non-experimental cross sectional survey systematically to identify the influence of Organizational Service Management and Social Environment toward the learning satisfaction of Final Year Students at Private Higher Education Institutions (IPTS), South Zone. A simple random sampling method was applied to all Final Year Nursing Diploma students who have gone through the process of novice (Year 1) to expert (Final Year). The formula of Krejcie and Morgan (1970) was used as a guide for this probability sampling with the stratified sampling method, which is a total of 282 students selected in the study from 414 population. The results of the study found that organizational service management and the social environment significantly affect the learning satisfaction of nursing students. Both organizational service management variables and the social environment have their own impact in meeting the learning satisfaction of the nursing students. In conclusion, the assessment of student satisfaction is important and needs to be implemented by an IPTS. Continuous and periodic monitoring should be implemented and improved to improve soft skills among nursing students in order to create and produce highly credible student nurses as the nation's catalyst in caring for the needs of patients in the 21st century.

Keywords: *Learning satisfaction, Nursing Students, Organizational Service Management, Social Environments.*

Pengenalan

Institusi Latihan Kejururawatan antara pemacu yang signifikan dalam melahirkan modal insan iaitu para pelajar yang dibentuk dalam kerjaya kejururawatan. Bagi Ortega-Maldonado dan Salanova (2017), mereka menyatakan pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) berperanan penting dalam memberikan kesan aktiviti pembelajaran yang membawa kepada pengalaman pelajar sepanjang mengikuti program di IPT.

Namun demikian dalam era kini, pelajar akan hilang rasa keseronokan dan kegembiraan jika tidak mengalami kepuasan pembelajaran dan akan berlaku penurunan motivasi, prestasi dan komitmen, malah pelajar akan berniat untuk tidak menyambung pengajian di Institut Latihan Kejururawatan kepada peringkat yang lebih tinggi (Mohd Noor Hasman & Muhammad Azrul Hisam, 2017). Tidak dinafikan seiring dengan revolusi *Artificial Intelligent (AI)*, pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial antara faktor yang mempengaruhi kepuasan pembelajaran pelajar jururawat. Menurut Norlaili dan Mohd Yusof *et al.*, (2022), kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelajar mempunyai hubungan rapat dalam mencapai objektif sesebuah universiti. Manakala Mazni *et al.* (2022) menyatakan selain daripada kompetensi pensyarah, teknik dan kaedah pengajaran, persekitaran sosial dan kualiti perkhidmatan merupakan penentu kejayaan dan kecemerlangan dalam meningkatkan kepuasan pembelajaran pelajar itu sendiri.

Secara khusus, penilaian terhadap kepuasan pembelajaran pelajar merupakan isu terbesar yang perlu ditambah baik di setiap Institut Latihan Kejururawatan bagi mengenal pasti dan menilai kepuasan pembelajaran pelajar, terutamanya di Institut Pengajian Tinggi Swasta (Mazni, Roslee & Muhammad Suhaimi, 2021).

Latar Belakang Kajian

Kepuasan pembelajaran seseorang pelajar merangkumi pelbagai kualiti (PdP), seperti kompetensi pensyarah, teknik dan kaedah pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah di samping persekitaran sosial dan kualiti perkhidmatan (Mazni, 2020; Weerasinghe dan Fernando, 2017). Kepuasan pelanggan lebih-lebih lagi bagi IPT Swasta perlu dilaksanakan penilaiannya (Mazni, Roslee dan Muhammad Suhaimi, 2021). Manakala Onditi dan Wechuli (2017) pula menjelaskan bahawa kualiti sebuah program dan kepuasan pelajar dengan prestasi pengajaran yang ditawarkan oleh IPT sangat berkait rapat untuk menarik pelajar terus kekal dan bersaing dengan IPT lain.

Kualiti perkhidmatan antara faktor terpenting dalam aspek pengurusan dan organisasi yang bakal mempengaruhi kepuasan pelajar. Namun, kajian Hwang dan Choi (2019) telah mendedahkan bahawa kualiti perkhidmatan sangat kurang diberikan penekanan oleh pihak IPT. Kepuasan pelajar yang terbina akan melahirkan kesetiaan pelajar terhadap IPT atau universiti (Masserini *et al.*, 2019; Poon, 2019). Manakala Mohd Noor Hasman dan Muhammad Azrul Hisam (2017) pula menyatakan pelajar akan hilang rasa keseronokan jika tidak mengalami kepuasan pembelajaran yang optimum dan akan menyebabkan penurunan motivasi, prestasi, komitmen dan berniat untuk tidak menyambung pengajian lagi di institusi pengajian tinggi yang sama. Tambahan pula, pelajar yang *fragile* kini semakin bijak membuat pemilihan bidang pengajian yang sesuai dengan minat untuk menjadikan kualiti pembelajaran yang diterima setaraf dengan kos pembayaran pengajian masing-masing (Radin Eksan dan Abu Bakar, 2017).

Oleh itu, dijangkakan impak daripada kajian ini akan membantu secara tidak langsung untuk proses penambahbaikan keperluan faktor pengurusan perkhidmatan organisasi dan faktor persekitaran sosial di IPT pada masa hadapan dengan lebih baik dan mantap.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (2018) telah merekodkan kadar pertumbuhan tahunan 2017/2018 sebanyak 32.39 juta orang daripada 32.02 juta pada tahun 2017. Laporan Tahunan KKM (2019) sentiasa mempertingkatkan usaha bagi menambah baik tadbir urus perkhidmatan kesihatan. Untuk itu, keperluan profesion jururawat ialah salah satu pelaburan dalam sektor perkhidmatan kesihatan yang menjadi penyumbang terhadap impak ekonomi di Malaysia.

Selaras dengan itu, IPTS selain Institut Latihan KKM (ILKKM) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan merupakan institusi yang melatih pelajar kejururawatan untuk memenuhi permintaan masa hadapan dalam memberi perkhidmatan kelas pertama di hospital. Bagi Vo *et al.*, (2018), beliau menyatakan institusi pengajian tinggi harus menyediakan perkhidmatan pendidikan yang benar-benar berkualiti kepada semua pelajar.

Namun demikian, realitinya IPT menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan tugas dan peranan dengan lebih berkesan. Jika dilihat dapatan kajian lepas, tahap kepuasan pelajar bergantung kepada pengalaman pembelajaran, perkhidmatan dan persekitaran fasiliti yang diperoleh semua pelajar sepanjang proses pembelajaran di IPTS atau IPTA dan wajar di bahas dan dibincangkan (Weerasinghe dan Fernando, 2017). Bagi Mahad dan Nor (2016), mereka mengatakan bahawa kepuasan merupakan perasaan baik atau tidak, dapat dirasakan pengguna melalui hasil yang didapati daripada penggunaan sesuatu perkara dan program yang pelajar jalani.

Bertitik tolak daripada itu, fokus kajian ini berperanan dalam meningkatkan hubungan dan pengaruh antara pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial terhadap kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan di IPTS Zon Selatan, Semenanjung Malaysia.

Tujuan Kajian

Sejajar dengan arus pembelajaran masa kini, 1st *Nursing Allied Health Educator's Conference (ANT,2022)* telah membentangkan pengurusan pendidikan menimbulkan pengalaman pembelajaran yang terbaik dengan pelajar kejururawatan bukan hanya di IPTS tetapi melibatkan IPTA dan ILKKM sebagai pelaburan pendidikan profesional penjagaan kesihatan untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan.

Pengurusan perkhidmatan organisasi yang terbaik sememangnya memberi kepuasan pembelajaran dengan kemenjadian pelajar kejururawatan agar berintegriti. Bagi Osman (2019), beliau menegaskan bahawa kepuasan pelajar merupakan emosi yang dirasakan setelah menerima perkhidmatan. Manakala bagi Batjo dan Ambotang (2019), pula menjelaskan pengajaran guru sangat berpengaruh ke atas kualiti pengajarannya.

Oleh itu, kepentingan kajian empirikal secara kritis ini bagi meneroka secara mendalam kedua *variabel* dalam mempengaruhi kepuasan pembelajaran terhadap pelajar kejururawatan di IPTS Zon Selatan iaitu di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor Baru adalah sangat signifikan.

Objektif Kajian


Kajian dilaksanakan untuk mengkaji kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan IPTS Zon Selatan berdasarkan kepada pengaruh *variabel* pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial. Di antara objektif spesifik kajian ialah:

1. Menenal pasti hubungan pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial dengan kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan IPTS, Zon Selatan.
2. Menganalisis pengaruh pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial terhadap kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan IPTS, Zon Selatan.

Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian di Rajah 1 telah diadaptasi daripada Mazni (2019) untuk melihat kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan. *Variabel* bebas ialah Pengurusan Perkhidmatan Organisasi dan Persekitaran Sosial terhadap masalah utama kajian iaitu kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan sebagai *variabel* bersandar di seluruh IPTS, Zon Selatan. Diharapkan kerangka konsep ini dapat memberi pandangan dalam menambah baik kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan ke tahap optimum di semua IPT.

A) Pengurusan Perkhidmatan



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan berbentuk kuantitatif *non experimental cross sectional survey* secara sistematik bagi mengenal pasti pengaruh Pengurusan Perkhidmatan Organisasi dan Persekitaran Sosial terhadap Kepuasan Pembelajaran Pelajar Kejururawatan di IPTS, Zon Selatan. Kaedah pensampelan rawak mudah dilaksanakan terhadap semua pelajar Diploma Kejururawatan Tahun Akhir yang dianggap telah mengalami proses *novice* (Tahun 1) hingga ke *expert* (Tahun Akhir). Formula *Krejcie dan Morgan* (1970) dijadikan panduan untuk *probability sampling* ini dengan kaedah *stratified sampling* seramai 282 orang pelajar daripada 414 populasi. Instrumen kajian adalah *closed ended question* dan mendapat pengesahan tiga orang pakar sebelum melakukan kajian rintis. Seterusnya item soal selidik diuji dengan menggunakan model pengukuran *Alpha Cronbach*. Hasil dapatan kajian rintis Jadual 1 telah menunjukkan bahawa responden memahami setiap soalan yang dikemukakan berdasarkan nilai *Alpha Cronbach* ialah 0.951 (sangat baik) bagi analisis item di Bahagian B hingga E dengan Kepuasan Pembelajaran iaitu melebihi 0.6.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*) bagi Kajian Rintis

Reliability Statistics		N of Items
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	
.951	.956	66

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil dapatan kajian bermula dilihat daripada sudut hubungan dua *variabel* bebas yang mempengaruhi kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan ini seperti jadual di bawah:

Objektif 1: Menenal pasti hubungan pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial dengan kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan IPTS, Zon Selatan.

Jadual 1: Hubungan pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial dengan kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan IPTS, Zon Selatan.

		Kepuasan Pembelajaran	Pengurusan Perkhidmatan	Persekitaran Sosial
Kepuasan Pembelajaran	Pearson	1	.602**	.593**
	Correlation			
	Sig. (2-tailed)		.000	.000
	N	281	281	281

		Kepuasan Pembelajaran	Pengurusan Perkhidmatan	Persekitaran Sosial
Pengurusan Perkhidmatan	Pearson Correlation	.602**	1	.840
	Sig. (2-tailed)	.000		.000
	N	281	282	281
Persekitaran Sosial	Pearson Correlation	.593**	.840**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	
	N	281	281	281

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Ringkasnya Jadual 1 ini membentangkan pekali korelasi Pearson antara Kepuasan Pembelajaran dan Pengurusan Perkhidmatan Organisasi ialah 0.602 manakala dengan Persekitaran Sosial ialah 0.593. Pekali korelasi Pearson antara Pengurusan Perkhidmatan Organisasi dan Persekitaran Sosial ialah 0.840.

Dalam istilah yang lebih mudah, terdapat korelasi positif yang teguh dan bermakna antara kepuasan pelajar dengan pengalaman pembelajaran mereka dan persepsi mereka tentang sejauh mana perkhidmatan organisasi dalam program kejururawatan diuruskan. Ini membayangkan bahawa apabila pelajar menganggap pengurusan perkhidmatan organisasi berkesan dan dikendalikan dengan baik, mereka cenderung untuk melaporkan tahap kepuasan yang lebih tinggi dengan pengalaman pembelajaran mereka. Korelasi yang ketara menekankan kepentingan pengurusan perkhidmatan organisasi yang cekap dalam membentuk kepuasan pelajar terhadap pendidikan kejururawatan mereka.

Rumusannya, keputusan menunjukkan korelasi positif yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa apabila pelajar melihat tahap kualiti yang lebih tinggi dalam pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial yang positif, kepuasan yang lebih besar dengan pengalaman pembelajaran mereka. Hubungan yang kukuh antara kedua-dua pemboleh ubah ini menunjukkan kepentingan pengurusan perkhidmatan organisasi yang berkesan dan persekitaran sosial yang menyokong dalam meningkatkan kepuasan pembelajaran pelajar dan hasil pendidikan keseluruhan.

Objektif 2: Menganalisis pengaruh pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial terhadap kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan

Jadual 2: Pengaruh pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial terhadap kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan

Model Summary									
Model	R	R ²	Adjusted R ²	Std. Error of the Estimate	Change Statistics				
					R Square Change	F Change	df1	df2	Sig. F Change
1	.623 ^a	38.8 %	.384	.59022	.388	88.219	2	278	.000
a. Predictors: (Constant), pengurusan perkhidmatan, persekitaran sosial									

Jadual 2 memberikan gambaran analisis regresi yang mengkaji pengaruh pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial terhadap kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan. Pekali penentuan (R-kuadrat) ialah 0.388, menunjukkan bahawa kira-kira 38.8% daripada kebolehubahan dalam kepuasan pembelajaran pelajar boleh dijelaskan oleh peramal dalam model. R-kuadrat terlaras ialah 0.384, mencerminkan sedikit pelarasan disebabkan oleh bilangan peramal. Ralat piawai anggaran ialah 0.59022, mewakili jarak purata antara nilai yang diperhatikan dan diramalkan. Statistik perubahan

F ialah 88.219, dan nilai p yang berkaitan ialah 0.000, menunjukkan bahawa model keseluruhan adalah signifikan secara statistik.

Jadual 3: ANOVA^a

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	61.464	2	30.732	88.219	.000 ^b
	Residual	96.844	278	.348		
	Total	158.308	280			

a. Dependent Variable: kepuasan pembelajaran

b. Predictors: (Constant), pengurusan perkhidmatan, persekitaran sosial

Jadual 3 ANOVA menyediakan pecahan varians dalam kepuasan pembelajaran pelajar berdasarkan model regresi. Komponen regresi menerangkan jumlah kuasa dua sebanyak 61.464 dengan 2 darjah kebebasan, menghasilkan purata kuasa dua sebanyak 30.732. Statistik F ialah 88.219, dan nilai p yang berkaitan ialah 0.000, menunjukkan bahawa model regresi adalah signifikan secara statistik dalam menerangkan kebolehubahan dalam kepuasan pembelajaran.


Jadual 4: Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	.062	.283		.220	.826
	Pengurusan perkhidmatan	.485	.118	.354	4.096	.000
	Persekitaran sosial	.426	.125	.295	3.419	.001


a. Dependent Variable: kepuasapmljara

Jadual pekali membentangkan pekali tidak piawai dan piawai untuk peramal (pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial) dalam Jadual 4. Istilah malar (pintasan) ialah 0.062 dengan ralat piawai 0.283. Nilai ini mewakili kepuasan pembelajaran yang dijangkakan apabila pembolehubah peramal adalah sifar. Pekali untuk pengurusan perkhidmatan organisasi ialah 0.485, dengan ralat piawai 0.118. Pekali piawai (beta) ialah 0.354. Ini menunjukkan bahawa bagi setiap peningkatan satu unit dalam pengurusan perkhidmatan organisasi, terdapat peningkatan yang berkaitan dalam kepuasan pembelajaran sebanyak lebih kurang 0.485 unit.


Pekali untuk persekitaran sosial ialah 0.426, dengan ralat piawai 0.125. Pekali piawai (beta) ialah 0.295. Ini menunjukkan bahawa bagi setiap peningkatan satu unit dalam persekitaran sosial, terdapat peningkatan yang berkaitan dalam kepuasan pembelajaran sebanyak lebih kurang 0.426 unit.




Rajah 1: Pengaruh Pengurusan Perkhidmatan Organisasi



Rajah 2: Pengaruh Persekitaran Sosial



Rajah 3: Kepuasan Pembelajaran Pelajar Kejururawatan



Secara ringkasnya, analisis regresi di Rajah 1 hingga 3 menunjukkan bahawa pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial secara signifikan mempengaruhi kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan. Pekali piawai (betas) mencadangkan bahawa pengurusan perkhidmatan organisasi mempunyai pengaruh positif yang lebih kuat terhadap kepuasan pembelajaran berbanding dengan persekitaran sosial. Model keseluruhan adalah signifikan secara statistik, menunjukkan bahawa gabungan pengaruh peramal ini secara signifikan menerangkan kebolehubahan dalam kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan.

Oleh yang demikian, keputusan yang telah ditunjukkan membuktikan pemboleh ubah bebas ini secara jelas mempunyai pengaruh yang kuat dengan kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan iaitu pemboleh ubah bersandar dan merupakan *outcome* dalam kajian ini.

Implikasi Kajian

Secara keseluruhannya, cetusan idea dan strategi penstrukturan yang dirancang dengan mengimbangi setiap sudut pengaruh kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengetahuan sedia ada tentang kepuasan pembelajaran. Bagi Abdul Rahman *et al.* (2017) dan Madhavan *et al.* (2020), mereka menyatakan untuk membentuk modal insan, pembangunan sumber manusia, masyarakat dan negara, setiap guru atau pensyarah seharusnya berkompentensi dan berkualiti bagi mengekalkan profesion sebagai pendidik. Hubungan dengan pelajar (Nor Fatinah Jaafar *et al.*, 2020) serta pendekatan (Chew dan Mohd Fikri Ismail, 2020) merupakan proses perubahan yang perlu dilaksanakan dalam kaedah pengajaran untuk pendidikan pada abad ke-21 ini bagi mewujudkan kepuasan pembelajaran.

Namun, tidak dapat dinafikan penyelarasan yang menjaga kursus di latihan juga perlu bersikap profesionalisme sepanjang mempraktikkan pendidikan supaya proses pembentukan modal insan di kalangan pelajar kejururawatan berjalan dengan cemerlang seiring dengan pelaksanaan pengurusan perkhidmatan organisasi secara sistematik. Ia secara langsung dan tidak langsung melibatkan ramai pihak sebagai agen persekitaran sosial dalam melaksanakan transisi bagi mencambahkan impak yang positif dan progresif di Institusi latihan. Peningkatan kepuasan pembelajaran yang diperoleh pelajar kejururawatan ini dapat melahirkan penjawat yang bermutu tinggi dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada semua pesakit iaitu komuniti dan bukan hanya untuk kepentingan diri sendiri.

Oleh itu, Institusi Latihan adalah dicadangkan agar sentiasa menambah baik daripada masa ke masa dan melakukan perbincangan secara berterusan dan kesepakatan daripada semua pihak baik ILKKM, IPTA dan IPTS dengan satu suara bagi menjamin pendidikan kejururawatan dalam negara supaya lebih berkualiti. Selain itu, kekerapan melakukan perbincangan antara semua institusi latihan dan organisasi kesihatan dalam melakukan pendekatan yang munasabah untuk pelajar dan menangani isu kepuasan pembelajaran ketika Latih Amal Klinikal juga dapat memenuhi beberapa implikasi penting untuk amalan masa hadapan.

Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial mempengaruhi kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan di IPTS, Zon Selatan. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian telah membuka ruang kepada kajian lanjutan yang lebih luas dan mendalam dalam mengenal pasti pemboleh ubah lain yang boleh dikaji bagi membantu meningkatkan profesionalisme kejururawatan di Malaysia.

Kajian ini hanya melibatkan beberapa pemboleh ubah sahaja, maka dicadangkan pemboleh ubah yang lain boleh dilibatkan bagi mendalami pengurusan perkhidmatan organisasi dan persekitaran sosial. Secara tidak langsung dapatan daripada kajian yang seterusnya boleh menyumbang kepada kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan di Institusi Latihan di Malaysia.

Selain itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif sepenuhnya yang mempunyai kekuatannya tersendiri. Adalah dicadangkan agar penyelidikan yang berikutnya menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi pengumpulan data bagi merungkaikan penemuan faktor baharu yang mempengaruhi kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan.

Seterusnya, kajian ini hanya melibatkan pelajar kejururawatan IPTS Zon Selatan sahaja. Kajian lanjutan boleh dijalankan dengan mengambil kira responden daripada kalangan IPTA dan ILKMM di peringkat lain seluruh Malaysia yang menjalankan kursus yang sama. Penglibatan pelajar kejururawatan dari seluruh Malaysia juga boleh diambil kira agar dapatan boleh digeneralisasikan untuk mendapatkan sumber maklumat yang lebih jelas dan tepat.

Instrument kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan instrumen yang telah diperbincangkan dengan kelulusan penyelia dan turut disemak oleh dua orang pakar berkaitan tajuk penyelidikan. Instrumen kajian ini adalah berbentuk item soal selidik, kajian lanjutan seterusnya boleh menggabungkan soal selidik dan soalan terbuka agar responden lebih diberi peluang untuk memberikan pandangan serta persepsi mereka. Dicapangkan agar penyelidikan masa hadapan akan lebih menambah baik item soal selidik mengikut perkembangan terkini di Institusi Latihan. Malah, menjadi penyumbangan kepada ilmu pendidikan kejururawatan sedia ada untuk memenuhi kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan.

Kesimpulan

Kajian ini telah mencapai objektif dengan mengenal pasti kepelbagaian kekuatan pengaruh kepuasan pembelajaran pelajar kejururawatan. Pemantauan kepuasan pembelajaran yang berkala wajar ditingkatkan untuk kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kejururawatan. Tambahan juga, peranan pihak dalaman dan luaran merupakan agen utama sebagai pemangkin yang menilai kepuasan terhadap pembelajaran pelajar di IPT untuk melahirkan tenaga jururawat yang berkebolehan serta berdaya maju hingga pada masa hadapan.

Bibliografi

- Abdul Rahman, H., Khalifah, Z., Arif, S., Sirin R., Zainal Abidin, H., dan Sulong, N. (2017). Kajian Mengenai Tahap Kualiti Pendidikan Tinggi dari Perspektif Pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Pusat Pengajian Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Association Nursing Tutor Peninsular Malaysia (ANT,2022). *1st Nursing Allied Health Educator's Conference* (2022). Retrieved 14 April 2024 from <https://www.google.com/search?q=association+nursing+tutor+ilkkm&sxsrf=>
- Batjo, N., dan Ambotang, A. S. (2019). Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(2), 30-42.
- Chew, F.P., dan Mohd Fikri Ismail. (2020). Pelaksanaan Pendekatan Bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran, Interaksi Guru-Pelajar, Komitmen Belajar dan Keselesaian Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Biologi. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia (JPSMM, UPSI)*, 6(1), 101-120.
- Hwang Y-S. and Choi Y.K. 2019. Higher Education Service Quality and Student Satisfaction, Institutional Image, and Behavioral Intention. *Social Behavior and Personality: An International Journal* 47(2): 1–12. doi: 10.2224/sbp.7622.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2018). Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia. ISSN 1511-1520 MOH/S/RAN/167.19 (AR)-e https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Penerbitan%20Utama/ANNUAL%20REPORT/Laporan%20Tahunan%20KKM%202018_Final.pdf
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2019). Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia. ISSN 1511-1520

- Krejcie, R. V., and Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities and Psychological Measurement*. Vol. 30(3):607-610.
- Mahad Khalif Dhaqane, and Nor Afrah Abdulle. (2016). Satisfaction of Students and Academic Performance in Benadir University. *Journal of Education and Practice*, 7(24), 59-63.
- Madhavan, S., Basri, R., Fauzi, A., Ayub, B.M., dan Asimiran, S. (2020). Kualiti Bimbingan Pengajaran oleh “Pegawai Pembimbing Pakar Pembangunan Sekolah.” *Mjsshonline.Com*, 4 (3), 68-78. <https://doi.org/10.33306/mjssh/82>
- Masserini, L., Bini, M., and Pratesi, M. (2019). Do Quality of Services and Institutional Image Impact Students' Satisfaction and Loyalty in Higher Education?. *Social Indicators Research*, 146(1-2), 91-115.
- Mazni Muhammad, Roslee Talip dan Muhammad Suhaimi Taat. (2020). Pengaruh Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Kepuasan Belajar Pelajar Kolej-kolej Swasta di Sabah. *Jurnal of Ilmi*. Jilid 9:102-119.
- Mazni, Muhammad, Roslee Talip dan Muhammad Suhaimi Taat. (2021). Pengaruh Kualiti Perkhidmatan Terhadap Kepuasan Pelajar Kolej Swasta di Negeri Sabah. *Malaysia Journal of Sciences and Humanities*. Vol. 6(6):196-200.
- Mazni (2022). Pengaruh Prasarana Terhadap Kepuasan Pelajar Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS). *Jurnal of Ilmi*. Vol.12 2022:56-67
- Mohd Noor Hasman dan Muhamad Azrul Hisam. (2017). Kajian Kepuasan Pengguna Terhadap Perkhidmatan dan Kemudahan Perpustakaan Tunku Tun Aminah. *Seminar PRAGMATIS USIM*. Jilid 2:1-15
- Nor Fatinah Jaafar, Azizah Zain, dan Zarina Eshak. (2020). Peranan Ibu Bapa dalam Membantu Perkembangan Sosial Kanak-Kanak Melalui Aktiviti Bermain Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 9, 52-60.
- Norlaili Mohd Yusof, Soaib Asimiran dan Suhaida Abdul Kadir (2022). Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Kualiti Perkhidmatan Universiti: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic Social Sciences*.
- Ortega-Maldonado, A. and Salanova, M. (2017). Psychological Capital and Performance Among Undergraduate Students: The Role of Meaning-Focused Coping and Satisfaction. *Teaching in Higher Education, Critical Perspectives*, 23(2), 1-13.
Retrieved 16/4/2024 <https://doi.org/10.1080/13562517.2017.1391199>
- Onditi, E. O., and Wechuli, T. W. (2017). Service Quality and Student Satisfaction in Higher Education Institutions: A Review of Literature. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 7(7), 328-335.
- Osman, A. (2019). A Pragmatic Model of Student Satisfaction: A Viewpoint of Private Higher Education. *Quality Assurance in Education*, 27(2), 142-165
- Poon, J. (2019). Examining Graduate-Built Environment Student Satisfaction in the UK. What Matters the Most? *International Journal of Construction Education and Research*, 15(3), 179-197.
- Radin Eksan, S.H. dan Abu Bakar, N.R. (2017). Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar dan Masalah yang dihadapi Guru-guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. *Proceedings of the ICECRS* 1(1),599-608. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.531>
- Vo, T.K.A., Pang V., and Lee, K.W. (2018). Kepuasan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*. Vol. 3(2):32-40
- Weerasinghe, I. and Fernando, R. L. S. (2017). Critical Factors Affecting Students' Satisfaction with Higher Education in Sri Lanka. *Emerald Insight*.